

1977

PETALING JAYA, 22 APRIL (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN SEDIA MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN PERUNDING KEJURUTERAAN TEMPATAN.

+MALAH MEMANG DASARNYA MEMBERI PROJEK-PROJEK KEJURUTERAAN KEPADA FIRMA-FIRMA TEMPATAN YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN YANG SESUAI, + KATANYA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN INGENIEUR DI SINI, BELIAU BERKATA WALAUPUN ADA PROJEK-PROJEK YANG DIBERIKAN KE FIRMA ASING TETAPI SYARAT YANG DIKENAKAN IALAH SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS DARI KERJA-KERJA YANG AKAN DIKENDALIKAN DIJALANKAN OLEH WARGANEGARA MALAYSIA.

KATANYA, DENGAN DASAR INI, KERAJAAN BERHARAP BAHAWA JURUTERA PERUNDING TEMPATAN AKAN DAPAT MENGUMPULKAN SEGALA KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN YANG BOLEH MEMBANTU FIRMA-FIRMA TEMPATAN DAN KERJA-KERJA YANG BERCORAK LEBIH KOMPLEKS DAN SOFISTIKATAD.

KATANYA, TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA JURUTERA-JURUTERA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA SEPERTI MENYEDIAKAN JALAN, BEKALAN AIR DAN KUASA ELETRIK. - BERSAMBUNG 1633/BW  
MAHATHIR 2 PETALING JAYA

KATANYA, DARI JUMLAH \$18,000 JUTA YANG TELAH DIPERUNTUKAN DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA YANG KETIGA, \$6,300 JUTA ADALAH UNTUK PEMBINAAN INFRASTRUKTUR+ YANG AKAN DIMAINKAN OLEH JURUTERA.

BELIAU JUGA BERKATA JURUTERA-JURUTERA PERUNDING TEMPATAN DALAM BEBERAPA TAHUN YANG LAMPAU TELAH MENCAPAI KEJAYAAN YANG MENGGALAKAN.

BEBERAPA JURUTERA PERUNDING BARU TELAH DAPAT MENJALANKAN PERANAN UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DALAM RANCANGAN MALYSIA KEDUA.

BELIAU YAKIN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BANYAK LAGI FIRMA PERUNDING TEMPATAN YANG MUNGKIN AKAN MENCAPAI TARAF ANTARABANGSA.

DENGAN TERCAPAINYA TARAF DAN KERJA SEDEMIKIAN RUPA, PERUSAHAAN PERUNDING PADA SATU KETIKA AKAN MENJADI SALAH SATU DARI PENGHASIL TUKARAN WANG ASING KEPADA NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1637/AI

MAHATHIR 3 PETALING JAYA

SATU FAKTOR YANG DAPAT MEMBANTU PERKEMBANGAN KEJURUTERAAN PERUNDING DI NEGARA INI IALAH DENGAN TERDAPATNYA BILANGAN BESAR JURUTERA-JURUTERA YANG TERLATIH, KATANYA.

PADA MASA INI JUMLAH JURUTERA-JURUTERA PROFESYENAL YANG BEDAFTAR IALAH 3,500 DAN 1,500 ORANG JURUTERA SISWAZAH.

BILANGAN JURUTERA-JURUTERA SISWAZAH PULA SEDANG BERTAMBAH TIAP-TIAP TAHUN DAN DENGAN ADANYA SUMBER TENAGA YANG BERKELAYAKAN INI, BIDANG KEJURUTERAAN DI NEGARA INI SUDAH TENTU AKAN BERTAMBAH TINGGI MUTUNYA.

MENGENAI PEPERIKSAAN PROFESYENAL YANG AKAN DIJALANKAN OLEH INSTITUSI JURUTERA MALAYSIA, DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH INI AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA YANG TIDAK DAPAT PERGI KE UNIVERSITI ATAU MAKTAB YANG TINGGI UNTUK MENGAMBIL PEPERIKSAAN YANG TERTENTU BAGI MELAYAKKAN DIRI SEBAGAI SEORANG JURUTERA.

SEMINAR DAN KURSUS-KURSUS PRAKTIKAL YANG DIJALANKAN OLEH INSTITUSI ITU PULA AKAN MENINGGIKAN TARAF KEJURUTERAAN DI NEGARA INI. --  
BERNAMA 1652/AI